

**KRONOLOGI PERISTIWA PENTING DALAM
PENSEJARAHAN ISLAM BERDASARKAN TEKS
TĀRĪKH AL-RUSUL WA AL-MULŪK
KARYA AL-ṬABARĪ**

SHAZLINA BINTI AB AZIZ

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN
BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2003

Perpustakaan Universiti Malaya



A511655275

ABSTRAK

Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Khathīr bin Ghālib atau al-Ṭabarī adalah tokoh sejarawan yang terkenal di dalam dunia pensejarahan Islam. Beliau telah mengorak langkah merintis kaedah pensejarahan yang lebih bersistematik dan seterusnya menghasilkan penulisan kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* (Sejarah rasul-rasul dan raja-raja) atau kitab *Tārīkh al-Ṭabarī* ke tahap kemuncaknya yang menjadi sumber rujukan utama para sejarawan terkemudian. Keupayaan al-Ṭabarī dilihat dari perspektif pengetahuannya yang lebih universal dan kemampuannya menghimpunkan maklumat-maklumat daripada pelbagai sumber dan menyusun data-data yang telah dikumpulkan secara kronologi (*annalistic*). Kajian tentang kronologi peristiwa penting dalam pensejarahan Islam berdasarkan teks *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* karya al-Ṭabarī merupakan kesinambungan kepada kajian penulis tentang biografi al-Tabarī dan karya sejarah beliau. Ia merupakan suatu usaha untuk menelusuri kronologi peristiwa penting dalam pensejarahan Islam yang terkandung di dalam kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* yang telah dihasilkan oleh al-Ṭabarī menggunakan sistem kronologi (*annalistic*) ketika memaparkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam Sejarah Islam.

ABSTRACT

Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Khathīr bin Ghālib or al-Ṭabarī is one of the most distinguished and prominent historian of the Islamic historiography. He was the greatest pioneer in the systematic methodology of historiography. He tremendously brought the writing of *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* (History of the Prophets and Kings) or *Ṭabarī's Tārīkh* to the highest position. He arranged the events chronologically.

Study in important incident chronology of Islamic History based by text to be the continuity about a biography of al-Ṭabarī and his written, *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*. It is an effort for important incident chronology in his written who was produced by al- Ṭabarī uses the system of chronology (annalistic).

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Segala puja dan puji kepada Allah yang Maha Pengasih dan Maha Pemurah atas segala taufiq dan hidayahNya, penulis berjaya menyiapkan penulisan disertasi ini. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan keluarga, jua salam buat para sahabat Baginda. Salam ukhuwwah buat semua umat Islam.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia, *al-Fāḍil* Ustaz Abdullah Bin Yusof atas segala bimbingan, teguran dan tunjuk ajar beliau sepanjang proses penulisan disertasi ini dilakukan. Sesungguhnya, sokongan, kesabaran dan dedikasi yang diberikan kepada penulis, hanya Allah yang mampu membalasnya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan setulus kasih buat suami tercinta, Wan Nor Fahmi Wan Mohamad, kedua ayahanda dan bonda, Hj Abd Wahab Bin Othman dan Hj Shamsiah Binti Mamat, kedua ayahanda dan bonda mentua, Wan Mohamad Bin Wan Taib dan Esah Binti Hamat serta seisi keluarga yang sentiasa memberikan dorongan dan material yang tidak ternilai kepada penulis. Terima kasih buat Abang Azri dan keluarga yang sering menjadi *IT Technician* dan tempat bermalam. Kejayaan dan segulung ijazah nanti anugerah istimewa buat kalian.

Terima kasih sekalung budi buat Ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Prof. Madya Dr. Abd Halim bin Haji Mat Diah dan pensyarah-pensyarah di Jabatan Sejarah & Tamadun Islam, khususnya Dr. Ahmad Zaki Ibrahim dan Dr. Ali Mohamad serta semua pensyarah di Akademi Pengajian Islam yang pernah membimbing, mendidik dan mencurahkan ilmu kepada penulis sehingga penulis berada pada tahap ini pada hari ini. Tanpa bantuan daripada kalian tentunya sukar bagi penulis meneruskan *rehlah* ilmu di bumi pinjaman ini.

Penghargaan jua buat kakanda Wan Nafisah Wan Abd Rahman yang tak jemu-jemu mencurah ilmu buat penulis. *Syukran Jazilan* buat Kak Faiz atas huluran bantuan ketika diperlukan. Terima kasih daun keladi.

Akhir kalam, sekali lagi penulis merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga segalanya menjadi pelaburan yang berkekalan di sisi Allah S.W.T.

SHAZLINA BINTI AB AZIZ
Lot 139, Kg Chekeli Beta,
15100 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim.

DAFTAR ISI

	HALAMAN
JUDUL	i
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	iv
DAFTAR ISI	vi
PENDAHULUAN	xi
LATAR BELAKANG KAJIAN	xiii
PENGERTIAN TAJUK	xv
TUJUAN KAJIAN	xxi
TUMPUAN KAJIAN	xxii
METODE PENYELIDIKAN	xxiii
SISTEMATIKA PENULISAN	xxvi
MASALAH SEMASA KAJIAN	xxix
KEPENDEKAN	xxxii
TRANSLITERASI	xxxii
SENARAI LAMPIRAN	xxxvi

BAB 1

BIOGRAFI AL-TABARĪ

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Nama dan gelaran	2
1.2	Kelahiran dan keturunan	4
1.3	Perkahwinan	5
1.4	Pendidikan	6
1.5	Keperibadian dan keistimewaan	9
1.6	Sumbangan dan peranan dalam perkembangan ilmu Islam	18

1.7	Guru-guru	19
1.8	Murid-murid	20
1.9	Karya-karya	21
1.10	Kematian	27
1.11	Kesimpulan	28

BAB 2

KITAB TĀRĪKH AL-RUSUL WA AL-MULŪK

2.0	Pendahuluan	29
2.1	Introduksi kitab	29
2.2	Pengertian kitab	30
2.3	Nama kitab	31
2.4	Latar belakang penulisan kitab	31
2.5	Metode penulisan kitab	32
2.6	Kandungan asas kitab	33
2.7	Pembahagian pembincangan	34
2.8	Sumber kitab	35
2.9	Pembukuan kitab	38
2.10	Usaha-usaha penterjemahan	38
2.11	Kedudukan kitab dalam kategori kitab-kitab Sejarah Islam	40

2.12	Komentar ulama-ulama	41
2.13	Ulama-ulama sezaman	45
2.14	Kesinambungan kajian kitab	46
2.15	Rujukan ulama-ulama terkemudian	47
2.16	Kesimpulan	48

BAB 3

METODOLOGI PENSEJARAHAN AL-ṬABARĪ

3.0	Pendahuluan	49
3.1	Objektif Pensejarahan	54
	3.1.1 Objektif Pensejarahan Islam	54
3.2	Asas metodologi pensejarahan al-Ṭabarī	58
3.3	Rumusan metodologi pensejarahan al-Ṭabarī	68
	3.3.1 Penilaian terbuka	69
	3.3.2 Isnād	70
	3.3.3 Fakta Logik	70
	3.3.4 Sumber-sumber lain	71
3.4	Bentuk penyusunan ; <i>Annalistik</i> /kronologi	71
3.5	Kesimpulan	75

BAB 4

**KRONOLOGI PERISTIWA PENTING BERDASARKAN
TEKS *TĀRĪKH AL-RUSŪL WA AL-MULŪK***

4.0	Pendahuluan	76
4.1	Kronologi peristiwa penting dalam pensejarahan Islam	77
4.1.1	Kronologi peristiwa penting pada zaman pra-Islam	80
4.1.2	Kronologi peristiwa penting pada zaman Rasūlullah S.A.W	84
4.1.3	Kronologi peristiwa penting pada zaman Khulafā'	
	al-Rāsyidīn	129
	4.1.3.1 Zaman Abū Bakr al-Ṣiddīq	129
	4.1.3.2 Zaman 'Umar al-Khaṭṭāb r.a	135
	4.1.3.3 Zaman 'Uthmān Ibn 'Affān r.a	141
	4.1.3.4 Zaman 'Alī bin Abū Ṭālib r.a	155
4.1.4	Kronologi peristiwa penting pada zaman Umayyah	164
4.1.5	Kronologi peristiwa penting pada zaman 'Abbāsiyyah	194
4.2	Penjilidan kitab <i>Tārīkh al-Ṭabarī</i>	221
4.2.1	Dār al-Ma'ārif, Mesir	221
4.2.2	Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah	224
4.2.3	Dār al-Fikr, Beirut, Lubnan	225
4.2.4	Dār al-Qāmus al-Ḥadīth	226
4.3	Kesimpulan	227

BAB 5**PENUTUP**

5.0	Pendahuluan	228
5.1	Kesimpulan	228
5.2	Saranan	232
5.3	Penutup	234
	BIBLIOGRAFI	236
	LAMPIRAN	

PENDAHULUAN

Pengkajian tentang catatan sejarah secara kronologi (*annalistic*), gaya penulisan dan penyusunan Sejarah Islam, penulis amat tertarik dengan kaedah pensejarahan yang bersistematik yang telah dihasilkan oleh seorang tokoh *muarrikh* Islam yang terkenal pada abad Ke- 3 Hijrah iaitu Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Khathīr bin Ghālib al-Ṭabarī. Beliau juga dikenali sebagai tokoh ulama yang unggul kerana mempunyai kepakaran dalam pelbagai disiplin ilmu.

Dikatakan pada abad Ke-3 Hijrah sebagai zaman perkembangan ilmu Islam, banyak cerita sejarah yang disalin semula secara lebih baik dan tersusun yang diambil daripada cerita-cerita lisan dan juga catatan-catatan bertulis yang diperolehi dari bandar-bandar di negara Islam. Perkembangan penulisan, pengumpulan dan pembukuan fakta-fakta sejarah merupakan suatu kesedaran yang dilakukan oleh masyarakat Islam pada abad tersebut.

Menyedari hakikat ini, penulis telah mengambil inisiatif untuk mengkaji tentang kronologi peristiwa penting dalam pensejarahan Islam berdasarkan teks *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* merupakan kesinambungan kepada kajian penulis tentang biografi al-Ṭabarī dan karya sejarah beliau, kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*.

Ia merupakan suatu usaha yang didasari untuk menelusuri kronologi peristiwa penting yang dihasilkan oleh ulama Islam silam seterusnya memartabatkan kembali karya Sejarah Islam silam kepada generasi hari ini dan akan datang mengenali metodologi pensejarahan Islam yang telah dihasilkan oleh al-Ṭabarī iaitu sistem kronologi (*annalistic*) ketika memaparkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam Sejarah Islam. Metodologi pensejarahan al-Ṭabarī merujuk kepada suatu cara atau kaedah tertentu yang digunakan oleh al-Ṭabarī dalam proses penghasilan karya Sejarah Islam yang berkaitan dengan pengambilan sumber sejarah menerusi analisis maklumat disertai dengan urutan tahun secara kronologi.

Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk menjadikan al-Ṭabarī seorang sejarawan Islam dan menjadi tempat rujukan penelitian berita-berita sejarah. Kitab sejarah ini sering dijadikan sumber rujukan oleh para sarjana Islam mahupun orientalis Barat.

Kitab *Tārīkh* tersebut menghimpunkan banyak sumber ilmiah yang ditimba dari al-Qur'ān, Hadith, Tafsir, bahasa, sastera, biografi, perang, teks-teks syair, pidato, perjanjian dan teks serta dokumen sejarah dan sastera tidak mungkin sampai ke tangan kita jika tiada usaha dan penulisan al-Ṭabarī.

Kesungguhan dan kegigihan al-Ṭabarī dalam menghasilkan karyanya merupakan sumbangan yang tidak ternilai harganya kepada umat Islam.

Harapan penulis agar penulisan ini dapat dijadikan panduan dan ada kesinambungan kajian pada masa akan datang dalam memartabatkan kembali karya ulama-ulama Islam silam.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kitab-kitab penulisan dan penyusunan para ulama Islam silam merupakan khazanah-khazanah ilmu kepada umat Islam kini. Ilmu yang ada di dalam diri mereka diinterpretasikan ke dalam kitab-kitab penulisan mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa ulama Islam silam sememangnya hebat, unggul dan istimewa dengan cara mereka. Komitmen dan kesungguhan mereka menghasilkan kitab-kitab yang bukan sedikit jumlahnya memberi pelaburan berguna kepada generasi hari ini, merujuk dan menyusuri karangan mereka yang terdahulu.

Justeru, *Tārīkh al-Ṭabarī* yang menjadi kajian penulis merupakan karya bernilai bagi umat Islam menyusuri sejarah silam mereka. Kehebatan al-Ṭabarī dalam pelbagai disiplin ilmu, Sejarah, Tafsir, Fiqh dan lain-lainnya diperkatakan ulama selepasnya. Bukan kehebatannya sahaja, jua kitab karangan beliau dan kandungan ilmu yang boleh didapati daripada kitabnya amatlah luas.

Perkembangan penulisan, pengumpulan dan pembukuan fakta-fakta sejarah merupakan suatu kesedaran yang dilakukan oleh masyarakat Islam pada abad tersebut.

Menyedari hakikat ini, penulis telah mengambil inisiatif untuk mengkaji tentang kronologi peristiwa penting dalam pensejarahan Islam berdasarkan teks *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* merupakan kesinambungan kepada kajian penulis tentang biografi al-Ṭabarī dan karya beliau iaitu kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*. Ia merupakan suatu usaha yang didasari untuk menelusuri kronologi peristiwa penting yang dihasilkan oleh ulama-ulama Islam silam seterusnya memartabatkan kembali karya Sejarah Islam silam kepada generasi hari ini dan akan datang mengenali metodologi pensejarahan Islam yang telah dihasilkan oleh al-Ṭabarī iaitu sistem kronologi (*annalistic*) ketika memaparkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam Sejarah Islam. Metodologi pensejarahan al-Ṭabarī merujuk kepada suatu cara atau kaedah tertentu yang digunakan oleh al-Ṭabarī dalam proses penghasilan karya Sejarah Islam yang berkaitan dengan pengambilan sumber sejarah menerusi analisis maklumat disertai dengan urutan tahun secara kronologi.

Ternyata, sentuhan al-Ṭabarī dalam mengambil dan menyusun sumber sejarah amat mengesankan sehingga beliau dijadikan rujukan oleh pengkaji Islam jua orientalis Barat. Komentaran dan pujian diberikan kepada beliau oleh pengkaji. Namun, hakikatnya, kitab beliau merupakan kitab rujukan.

Terdapat beberapa perkara menarik mengenai kajian yang akan dilakukan ini. Sebagai gambaran awal terhadap kajian ini, beberapa persoalan akan diberikan perhatian termasuklah;

- i. Biografi dan sumbangan al-Ṭabarī.
- ii. Kitab *Tārīkh al-Ṭabarī* dan metode al-Ṭabarī di dalam pembahagian kandungan kitabnya. Juga, sumber, pembukuan, kedudukan dan komentar ulama terhadap penulisan beliau.
- iii. Metodologi pensejarahan beliau (kronologi).
- iv. Fokus utama kepada kronologi peristiwa penting berdasarkan teks *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*

Jadi, dengan persoalan di atas akan menjadi satu stimulasi kepada penulis untuk menyusuri segala rencam penulisan al-Ṭabarī di dalam pensejarahannya. Sesungguhnya, menjadi kewajaran kepada kita untuk menilai segala sumbangan beliau secara kritis, rasional dan memanfaatkannya.

PENGETIAN TAJUK

Sebelum penulis meneruskan penulisan disertasi ini terlebih dahulu penulis akan menerangkan secara umum pengertian tajuk. Disertasi ini bertajuk : **KRONOLOGI PERISTIWA PENTING DALAM PENSEJARAHAN ISLAM BERDASARKAN TEKS *TĀRĪKH AL-RUSUL WA AL-MULŪK* KARYA AL-ṬABARĪ.**

Kronologi bermaksud susunan peristiwa (kejadian) menurut masa berlaku peristiwa tersebut¹. Sementara perkataan *peristiwa* memberi pengertian sesuatu (hal dan lain-lain) yang berlaku (menarik perhatian dan lain-lain), kejadian, perkara². Perkataan *penting* bermaksud amat perlu, sangat berharga (berguna), mustahak³. *Pensejarahan* pula bermaksud penulisan sejarah⁴. Perkataan *sejarah* berdasarkan Kamus Dewan Edisi Ketiga, sejarah dalam sastera lama bermaksud asal-usul atau keturunan, salasilah. Ia juga bermaksud peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau, kisah, riwayat, tambo. Ia turut bermaksud ilmu iaitu kajian atau pengetahuan mengenai peristiwa yang lalu, atau tawarikh⁵. Istilah sejarah atau *tārikh* yang diertikan dalam istilah penulisan sejarah ialah catatan kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku dan juga catatan berita yang bersandarkan masa⁶.

Perkataan *sejarah* dikatakan berasal daripada kalimah ‘Arab iaitu *Syajārah* yang bermaksud pohon, salasilah, atau keturunan⁷. Sejarah dalam bahasa ‘Arab disebut *al-tārīkh* berasal daripada perkataan *al-arkh*, iaitu bahasa Arab tua yang mempunyai talian daripada bahasa Samiyah dengan sebutan *yarikh* bererti bulan (*al-qamar*) manakala dalam bahasa Arab memberi erti bulan (*al-syahr*)⁸. *Al-*

¹ Teuku Iskandar Dr(1970), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 581

² *Ibid.*, h. 858

³ *Ibid.*, h. 846

⁴ Teuku Iskandar, Dr (1998), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1209

⁵ *Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994)*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1208

⁶ *Ibid.*

⁷ Mahayuddin Hj Yahya (1984), *Pengertian Sejarah Islam dan Permasalahan*, Kuala Lumpur : Penerbit Sarjana (M) Sdn.Bhd, h. 31

⁸ Wan Yahya Wan Ahmad (1992), *Pensejarahan Awal Islam*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, h. 1

Tārīkh membawa pengertian pentarikhkan, *date* atau *era* (*haqbah, zamān*)⁹. Pengertian ini tidak statik untuk selama-lamanya. Pada abad ke 2 Hijrah, perkataan *al-Tārīkh* bermaksud *historical work*. Sementara pada abad ke 3 Hijrah di mana skop kajian ilmu *Tārīkh* telah meluas hingga sampai kepada pengertian sejarah moden, ia mempunyai dua pengertian iaitu pengertian khusus dan pengertian umum. Pengertian khusus merujuk kepada haribulan bagi menentukan jangka masa bagi sesuatu peristiwa sementara pengertian umum digunakan sebagai tajuk kepada penulisan sejarah sebagai contoh *Tārīkh al-Ṭabarī*. Perkataan *Tārīkh* ini membawa pengertian *annals* atau *chronicles*¹⁰. Kedua-dua pengertian tersebut menjadi asas bagi penulisan sejarah Islam kerana sesuatu karya sejarah dianggap sebagai penulisan sejarah disertai dengan urutan tahun secara kronologi atau *chronology*.

Walau bagaimana pun, ungkapan sejarah pada pandangan ilmuwan Arab menyatakan bahawa *Tārīkh* atau *Ta'rikh* telah muncul pada dekad-dekad terkemudian. Pada peringkat awal, orang Arab menggunakan kalimah *khbar* atau *Qiṣṣah* ketika menggambarkan sesuatu bangsa atau masyarakat. Kalimah *khbar* atau *Qiṣṣah* merujuk kepada cerita yang panjang atau cerita yang berurutan. Ia juga memberi erti sebagai penelitian dan pengkajian¹¹.

⁹ Mahayuddin Hj Yahya (1984), *op.cit.* Lihat sama W.E Caldwell (1969), *The Ancient World*, Holt, New York: Rinehart and Winston Press, h. ix

¹⁰ *Ibid.*, h. 32

¹¹ Franz Rosenthal (1963), *ʿIlm al-Tārīkh ʿinda al-Muslimīn*. Saleh Ahmad al-ʿIllī (terj.), Baghdad: Maktabah al-Muthanna, h. 19

Kalimah *Tārīkh* atau *Ta'rīkh* telah muncul dalam sastera atau peradaban Arab pada dekad terkemudian. Asal perkataan *Tārīkh* telah menimbulkan perselisihan di kalangan ilmuwan-ilmuwan Arab sama ada ia berasal dari kalimah Arab atau bukan. Mereka berpendapat bahawa asal perkataan *Tārīkh* diambil dari pelbagai bangsa¹².

Pendapat pertama menyatakan bahawa kalimah tersebut berasal dari kalimah 'Ibri iaitu *برخ*. Franz Rosenthal menolak pendapat ini kerana menurut beliau bangsa 'Ibri tidak kenal huruf 'Ya'¹³.

Di kalangan sejarawan Arab tidak sependapat dalam penentuan asal-usul kalimah *Tārīkh* sama ada ianya berasal dari bahasa daerah kabilah Qais iaitu *رخ* atau bahasa daerah kabilah Tamim *ورخت*¹⁴.

Pendapat seterusnya menyatakan bahawa kalimah tersebut berasal dari kalimah Parsi iaitu *ماخروز* yang bererti pengiraan hari dan bulan. Pendapat ini mempunyai hubungan dengan sejarah pengenalan kalendar Hijri Takwim Islam yang diperkenalkan oleh Khalifah 'Umar r.a¹⁵.

¹² *Ibid.*

¹³ Franz Rosenthal (1963), *op.cit.*, h. 20

¹⁴ Al-Sakhāwī, Syams al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Raḥmān (1963), *al-'lān hī al-Tawbīkh liman dhamma al-Tārīkh*, Baghdad : Matba'ah al-'Ānī, h. 15

¹⁵ Franz Rosenthal (1963), *op.cit.*, h. 24

Laporan sejarah menjelaskan bahawa pada zaman ‘Umar r.a telah berlaku pembukaan wilayah yang luas dan terdapat longgokan hasil dari pelbagai wilayah Islam. Rentetan itu, timbul keperluan kepada suatu sistem pengiraan hasil, pemungutan dan perbelanjaannya. Tahun diperkenalkan oleh ‘Umar r.a kerana sistem hasil. ‘Umar r.a mengadakan satu persidangan untuk mengatasi kebuntuan tersebut. Mereka yang hadir termasuklah Ḥurmuzan iaitu seorang bekas gabenor pemerintah Parsi di wilayah Ahwaz yang telah ditawan oleh tentera Islam dan semasa dalam tawanan beliau memeluk agama Islam. Beliau telah bangun dan memberikan pendapatnya, “Mengikut peradaban kami, ada satu sistem yang dikenali sebagai ماخروز”. Pendapatnya telah diterima oleh ahli persidangan¹⁶.

Pendapat seterusnya menyatakan bahawa kalimah *Tārīkh* diambil dari manuskrip Arab iaitu catitan awal bertarikh 22H. Kalimah *Tārīkh* tidak ada dalam al-Quran, hadith atau sastera klasik. Di dalam hadith tidak terdapat kalimah *Tārīkh* tetapi digunakan kalimah ‘*Addu*. Kalimah ini telah berkembang sehingga ia dikenali sebagai kitab-kitab sejarah atau tulisan sejarah¹⁷.

Kesimpulannya, metodologi pensejarahan al-Ṭabarī merujuk kepada suatu cara atau kaedah tertentu yang digunakan oleh al-Ṭabarī dalam proses penghasilan karya Sejarah Islam yang berkaitan dengan pengambilan sumber sejarah menerusi analisis maklumat disertai dengan tarikh secara kronologi.

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ *Ibid.*, h. 23

Sementara perkataan *Teks* bermaksud kandungan yang utama dalam sesebuah buku atau kata-kata asli oleh pengarang¹⁸ (bukan terjemahan, ulasan, ringkasan daripada asalnya¹⁹). *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* merupakan merupakan sebuah kitab sejarah yang dikarang oleh Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Khathīr bin Ghālib al-Ṭabarī. Perkataan *Karya* bermaksud kerja, buatan atau ciptaan²⁰. *Al-Ṭabarī* merujuk kepada Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd²¹. Menurut pengarang kitab *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, nama al-Ṭabarī ialah Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr bin Ghālib al-Ṭabarī²². Didapati juga nama beliau ialah Muḥammad bin Yazid bin Kathir bin Ghālib Abū Ja'afar al-Ṭabarī di dalam kitab *A'lām al-Muhaddithin* karya Dr Muhammad Abū Syahbah²³. Namun, dalam sesetengah kitab, beliau hanya dikenali sebagai Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī. Beliau merupakan seorang ahli Sejarah, ulama Tafsir, ahli Hadith dan memberi sumbangan yang begitu besar bukan sahaja dalam bidang Sejarah tetapi juga dalam pelbagai cabang disiplin ilmu yang lain.

Dari pengertian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa penulisan disertasi ini mengkaji kandungan yang utama peristiwa-peristiwa Sejarah Islam yang terdapat di dalam kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* atau lebih dikenali sebagai *Tārīkh al-Ṭabarī* karya Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī.

¹⁸ *Ibid.*, h. 507

¹⁹ *Kamus Dewan* (1998), *op.cit.*, h. 1397

²⁰ *Ibid.*, h. 465

²¹ Al-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr (t.t), *Jami' al-Bayān 'an Takwil al-Qur'ān*, Dār al-Fikr, h. 4

²² Al-Dhahābī, Muḥammad Ḥusayn (1995), *Al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, j.1, Kaheerah: Maktabah Wahbah, h. 215

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai tujuan dan objektifnya tersendiri sehingga ia mendorong penulis melakukan kajian yang agak mencabar ini. Biarpun begitu, memandangkan nilai ilmu yang berharga yang terdapat di dalam kitab tersebut, penulis merasakan kewajaran memilih tajuk ini seterusnya menjadikan ianya sebagai bahan kajian jua rujukan.

Jadi, segala perungkaian masalah, penghuraian dan perhatian terhadap beberapa persoalan dalam kajian ini mempunyai beberapa tujuan dan objektifnya :

- i. Memulakan penelusuran kitab-kitab silam
- ii. Mendedahkan metodologi pensejarahan al-Tabarī
- iii. Memberikan pemahaman yang jelas kepada para pembaca akan susur galur kitab tersebut
- iv. Mencambah dan menyebarkan pengetahuan sejarah kepada generasi
- v. Mendekatkan diri dengan kitab-kitab silam dalam pelbagai disiplin ilmu
- vii. Menyedarkan para pembaca bahawa umat Islam mempunyai rujukan tersendiri, kitab-kitab karangan ulama Islam silam
- viii. Memenuhi syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Usuluddin

²³ Muhammad Abū Syahbah, Dr (t.t), *'A 'lām al-Muhaddithīn*, Mesir: Dār al-Kutub al-'Arabi, h. 293

Jadi, berdasarkan tujuan tersebut, penulis telah mengkaji secara lebih serius dalam usaha memberikan satu bentuk kajian yang kritikal serta jujur terhadap kitab kajian. Meskipun, kajian ini terbatas ruang dan masa namun ianya bukanlah sukar untuk mencapai tujuan dan objektif di atas.

TUMPUAN KAJIAN

Penulis telah menggariskan tumpuan kajian sebagai asas. Ia penting untuk memastikan segala objektif yang digariskan mencapai sasaran, di samping memastikan hasil hasil kajian tidak terkeluar dari tujuannya yang asal.

Kajian ini lebih berkisar kepada kronologi peristiwa penting dalam pensejarahan Islam berdasarkan teks *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* yang bermula dengan kejadian manusia sehingga peristiwa yang berlaku pada tahun 302 Hijrah yang dipersembahkan oleh al-Ṭabarī melalui metodologi pensejarahan yang bersistematik mengikut urutan tahun.

Terdapat beberapa perkara yang dianggap penting di dalam pengkajian ini termasuklah biografi al-Ṭabarī, latar belakang kitab, tinjauan terhadap beberapa komentar ulama sama ada mengenai peribadi al-Ṭabarī atau pun kitab *Tārīkh* beliau. Metodologi pensejarahan al-Ṭabarī yang berdasarkan urutan tahun menghasilkan kronologi peristiwa yang berkesinambungan pada tahun berikutnya.

METODE PENYELIDIKAN

Penulis telah menggunakan dua jenis metode :

1. Metode Historis (Pensejarahan)

Penggunaan metode ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai sejarah. Metode ini digunakan oleh penulis untuk mendapatkan data berkaitan dengan sejarah biografi dan sumbangan tokoh yang dikaji dan juga sejarah kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* karya al-Ṭabarī.

Metode ini memberikan dasar kepada penulis untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian dan memahami sesuatu kejadian yang berlaku.

2. Metode pengumpulan data

Penulis menggunakan metode ini untuk mengumpulkan data-data lengkap yang diperlukan untuk kajian. Data-data dikumpulkan dengan menggunakan metode-metode berikut :

2.1 Metode dokumentasi

Pada umumnya, data-data yang diperoleh oleh penulis adalah dari sumber yang pertama, manakala sebahagian yang lain pula dari sumber yang kedua. Antara data-data yang dirujuk ialah :

2.1.1 Kitab-kitab asal karya ulama-ulama Islam

2.1.2 Kamus-kamus

2.1.3 Buku-buku terjemahan

Penulis menggunakan metode ini untuk mengkaji latar belakang tokoh dan pengertian tajuk serta untuk mendapatkan data-data bagi landasan teori bagi kajian ini.

2.2 Metode analisis data

Di dalam menganalisis data-data yang diperolehi, penulis menggunakan beberapa metode iaitu :

2.2.1 Metode Induktif

Metode ini digunakan oleh penulis untuk merumuskan kesimpulan dari bukti-bukti yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum.

Penulis menggunakan metode ini dalam pengertian tajuk dan rumusannya. Juga, dalam membuat landasan teori dalam Bab 2 dan Bab 3. Metode ini digunakan juga ketika menghuraikan laporan penyelidikan dan analisis data yang dibuat. Dalam Bab 5, penulis menggunakan metode ini untuk membuat kesimpulan bagi keseluruhan kajian yang dilakukan.

2.2.2 Metode Deduktif

Metode ini digunakan oleh penulis dalam menghuraikan tentang laporan penyelidikan dan analisis data pada Bab 3.

2.2.3 Metode komparatif

Metode ini digunakan dengan cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan pada data yang diperolehi. Segala data, fakta dan pendapat dikumpulkan serta dibuat perbandingan dan kesimpulan. Metode ini telah digunakan oleh penulis pada Bab 2, Bab 3 dan Bab 4.

3. Penyelidikan perpustakaan

Penyelidikan ini sangat penting untuk mencari teori-teori dan bahan-bahan berunsur sejarah bagi melengkapkan kajian. Antara perpustakaan yang dikunjungi :

- 3.1 Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- 3.2 Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- 3.3 Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan
- 3.4 Perpustakaan Awam Islam, Pusat Islam, Kuala Lumpur
- 3.5 Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur
- 3.6 Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
- 3.7 Perpustakaan Daerah Bahau, Negeri Sembilan
- 3.8 Perpustakaan Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan

SISTEMATIKA PENULISAN

Penulis menghuraikan pengkajian ini mengikut bab-bab yang telah disusun. Terdapat lima bab di dalam kajian ini dan setiap bab utama itu mempunyai tajuk-tajuk kecil di bawahnya. Di bawah ini akan diterangkan kandungan setiap bab tersebut secara umum.

Bab 1 : Biografi al-Ṭabarī

Di dalam bab ini, penulis membentangkan nama, kelahiran, perkahwinan, pendidikan juga keperibadian dan keistimewaan yang dimiliki oleh al-Ṭabarī. Seterusnya tentang sumbangan dan peranan dalam perkembangan ilmu Islam. Di samping itu juga, dimuatkan juga tentang guru-guru, murid-murid, karya-karya dan kematian beliau. Di akhir penulisan bab ini, disimpulkan semua perbincangan yang terdapat di dalam bab ini.

Bab 2 : Kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*

Menerusi bab ini, penulis akan membincangkan tentang kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* atau *Tārīkh al-Ṭabarī* secara terperinci. Bermula dengan introduksi kitab, pengertian kitab, nama kitab juga latar belakang penulisan kitab. Dimuatkan juga metode penulisan kitab. Di samping itu juga, tentang kandungan asas kitab, pembahagian pembincangan dan sumber kitab. Sejarah pembukuan kitab turut dipaparkan. Diselitkan juga tentang usaha-usaha penterjemahan kitab, kedudukan kitab di dalam kategori kitab-kitab Sejarah Islam, komentar ulama-ulama dan ulama-ulama sezaman. Tidak ketinggalan tentang kesinambungan kajian kitab yang telah dilakukan oleh ulama-ulama selepas al-Ṭabarī dan ulama-ulama yang menjadikan kitab tersebut sebagai rujukan. Pada akhir bab, penulis membentangkan kesimpulan kandungan perbincangan bab ini.

Bab 3 : Metodologi pensejarahan al-Ṭabari

Pada bab ini diperbincangkan tentang asas metodologi pensejarahan yang digunakan oleh al-Ṭabari. Di samping itu juga, hasil daripada penelitian tersebut penulis dapat merumuskan metodologi pensejarahan al-Ṭabari. Seterusnya, membincangkan tentang bentuk penyusunan kitab tersebut.

Bab 4 : Kronologi peristiwa penting berdasarkan teks *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*

Di dalam bab ini, penulis cuba menyoroti kronologi peristiwa penting yang terkandung di dalam kitab tersebut berdasarkan kitab yang dicetak oleh Dār al-Ma'ārif, Mesir. Penulis memaparkan kronologi peristiwa penting secara ringkas yang dibahagikan kepada lima zaman yang memaparkan peristiwa penting dalam pensejarahan Islam - zaman pra-Islam, zaman Rasūlullah S.A.W, zaman Khulafā' al-Rāsyidīn, zaman Umayyah, zaman 'Abbāsiyyah. Di samping disertakan juga dengan halaman-halaman catatan peristiwa-peristiwa yang berlaku.

Bab 5 : Penutup

Bagi mengakhiri penulisan disertasi ini, penulis menjadikan Bab 5 sebagai bab terakhir. Penulis cuba melihat kembali setiap perbincangan dan ulasan yang telah diperbahaskan sebelum ini. Seterusnya, penulis telah membuat

beberapa kesimpulan dan saranan. Sebagai penutup kepada bab ini, penulis akan memperkatakan secara umum mengenai hasil kajian yang dijalankan.

MASALAH SEMASA KAJIAN

Penulis telah menjangka dan mengenal pasti beberapa masalah yang timbul sepanjang kajian ini dijalankan. Penulis merasakan ianya menjadi satu kewajaran untuk dibentangkan sebagai satu pertimbangan yang munasabah daripada pihak berkenaan untuk memberikan sedikit kelonggaran kepada penulis seandainya berlaku beberapa perkara yang kurang memuaskan.

Disebabkan kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kajian terhadap kitab, penulis berdepan dengan kekurangan bahan rujukan yang mungkin diperlukan untuk menyiapkan tugas ini. Secara peribadi, penulis mendapati hanya beberapa buah kitab sahaja berkenaan dengan al-Ṭabarī yang kesemuanya berlegar di sekitar sejarah hidup beliau, metode pengambilan sumber sejarahnya dan beberapa aspek yang langsung tidak menyentuh dengan mendalam persoalan metodologi pensejarahan beliau.

Di samping itu juga, penulis menghadapi kebuntuan untuk menterjemahkan kandungan kitab *Tārīkh* tersebut secara lateral walaupun ianya kelihatan mudah. Tambahan pula, setiap terjemahan itu perlu memelihara unsur-unsur ketulenan penulisan al-Ṭabarī

Ketiadaan kitab-kitab yang dikehendaki oleh penulis di perpustakaan juga menyulitkan sedikit tugas penulis. Ia menyebabkan masa terbuang dan menjejaskan penumpuan penulis terhadap kajian ini. Ianya membataskan penulis dalam usaha mengumpul data untuk memperolehi bukti yang jelas bagi menyokong fakta yang diberikan.

Begitu juga, penulis berhadapan dengan soal transliterasi huruf Arab ke tulisan rumi kerana keseluruhan kajian ini menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Jadi, disebabkan kelainan intonasi bahasa ini, penulis berhati-hati ketika melakukan proses transformasi dan transliterasi bahasa agar ia tidak menjejaskan maksud yang dikehendaki.

Tidak dapat dinafikan bahawa penulis turut berdepan dengan masalah teknikal yang seringkali. Justeru itu, pembaziran masa dan tenaga serta kewangan tidak dapat dielakkan dalam menyelesaikan disertasi ini.

Walau bagaimanapun, penulis tetap telah berusaha dengan segala kebolehan yang dianugerahkan oleh Allah di samping tunjuk ajar daripada penyelia untuk menyiapkan kajian ini dan yang lebih penting ianya mencapai sasarannya.

KEPENDEKAN

a.s	-	'alaihi al-salam
c.	-	cetakan
Dr.	-	Doktor
Ed	-	disunting
H	-	Hijrah
h.	-	halaman
ibid.	-	<i>ibidem</i> – pada tempat, kitab, fasal, atau halaman yang sama
j.	-	Jilid
M	-	Masihi
op.cit	-	<i>opere citato</i> – dalam rujukan yang telah diterangkan
r.a	-	Radiyallahu 'anhu (Semoga Allah meredainya)
S.A.W	-	Ṣallallahu 'alaihi wasallam (Semoga rahmat dan keselamatan dilimpahkan kepadanya)
S.W.T	-	Subhānahu wa Ta'āla
Terj.	-	Terjemahan
t.p	-	tanpa penerbit
t.t	-	tanpa tahun
W	-	wafat

TRANSLITERASI

1. KONSONAN

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	Gh
ج	j	ف	F
ح	h	ق	Q
خ	kh	ك	K
د	d	ل	L
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ص	sy	ء	'
ش	ş	ي	y
ض	ḍ	ة	t

2. VOKAL

Pendek	Panjang	Diftong
اَ a	إِ ā	أَيَّ ay
إِ i	يِ i	أَوَّ aw
أُ u	وِ ū	

3. KAEDAH PENGGUNAAN ALIF (ا), Wāu (و), Y ā' (ي)

Huruf-huruf 'Arab yang boleh dirumikan bergantung kepada konteks penggunaannya :

3.1 “ا” (alif) dan “و” (wāu) sebagai vokal tidak perlu digantikan dengan sebarang huruf Rumi :

Contoh :

أولئك - ulā'ika

قالوا - qālū

جعلوا - ja'alū

إسمعوا - isma'ū

3.2 Tanda (-) mewakili vokal ā panjang yang di mansuhkan.

Contoh :

إبراهيم - Ibrāhīm

سليمن - Sulaymān

عيسى - 'Īsā

3.3 “ ا ” (alif) jika digunakan sebagai vokal panjang ditransliterasikan

sebagai ā.

Contoh :

قال - qāla

قاسم - qāsim

قارى - qārī

- 3.4 Huruf “و” (wāu) yang ditransliterasikan sama ada di awal kata, di tengah kata atau di akhir kata ditulis seperti berikut :

Contoh :

Di awal : ويل - wayl

Di tengah : حول - hawla

Di akhir : دلو - dalw

- 3.5 Huruf “و” (wāu) yang berfungsi sebagai vokal panjang ditransliterasikan sebagai ū.

Contoh :

سورة - sūrah

ذو - dhū

- 3.6 Huruf “ي” (yāʾ) ditransliterasikan sebagai y.

Contoh :

يحيى - yahyā

يزيد - Yazīd

قصي - quṣay

(Rujukan : **Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi** (1998). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm 1-3)

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 - Contoh salinan asal cetakan di Leiden antara tahun 1879-1898. Sumber: *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*, ed. Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm (1966), Dār al-Ma‘ārif
- Lampiran 2 - Salinan muka depan kitab *Tārīkh al-Ṭabarī* (*Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*) dan isi kandungan cetakan Dār al-Ma‘ārif, Mesir.
- Lampiran 3 - Salinan muka depan kitab *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk* cetakan tahun 1997 Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, Lubnan dan isi kandungan kelima-lima jilidnya
- Lampiran 4 - Salinan muka depan kitab *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk* cetakan Dār al-Fikr, tahun 1987
- Lampiran 5 - Salinan muka depan kitab *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk* cetakan Dār al-Qāmus al-Hādīth
- Lampiran 6 - Salinan muka depan dan kandungannya mengikut jilid buku terjemahan kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk ‘Annales Quos Scripsit’* suntingan M J De Goeje yang diterbitkan di Leiden
- Lampiran 7 - Salinan muka depan kitab *Ṣilah Tārīkh al-Ṭabarī* oleh ‘Arib bin Sa‘ad al-Qurtubī. Cetakan Brill di Leiden pada tahun 1897

- Lampiran 8 - Salinan muka depan kitab *al-Kāmil fī al-Tārīkh* karya Ibn Athīr yang meringkaskan *Tārīkh al-Ṭabarī*
- Lampiran 9 - Salinan muka depan kitab *Tajārub al-Umam* karya Miskawayh, salah seorang murid al-Ṭabarī